

**A Garisi frasa adjektif yang terdapat dapat petikan di bawah ini. KBAT Mencipta**

Sudah dua bulan berlalu. Namun begitu, pengalaman Denitha semasa menyertai pertandingan mendeklamasikan sajak tidak pernah dilupakan oleh Denitha. Pertandingan ini merupakan aktiviti yang paling popular pada "Minggu Bahasa" di sekolahnya. Denitha menghadapi persaingan yang sangat sengit daripada 10 orang pesaing yang hebat belaka. Denitha mendeklamasikan sajak Rahman Shaari yang bertajuk "Anugerah Terindah". Sajak yang indah itu dideklamasikan oleh Denitha dengan baik sekali. Setelah selesai mendeklamasikan sajak itu, Denitha mendapat tepukan yang paling gemuruh daripada para penonton.

**B Bina ayat dengan menggunakan frasa adjektif (FA) di bawah ini.**

1. masih kecil

---

2. sungguh nyenyak

---

3. letih lesu

---

4. pahit manis

---

5. merah jambu

---

6. sangat gugup

---

7. paling popular

---

8. begitu baik sekali

---



**Kriteria Kejayaan**

Murid dapat...

- mengenal pasti frasa adjektif yang terdapat dalam petikan



- membina ayat menggunakan frasa adjektif dengan betul dan tepat mengikut konteks



KEMAHIRAN MEMBACA

Modul  
**PBD**

SP: 2.3.1

Membaca untuk mengenal pasti idea utama dan idea tambahan dengan betul dan teliti

TP

Baca surat kiriman tidak rasmi di bawah ini dengan sebutan dan intonasi yang betul. Kemudian, tulis idea sampingan bagi setiap perenggan isi. **KBAT** Menganalisis

No. 58, Jalan Bandar Utama,  
48000 Rawang,  
Selangor.

25 Februari 2020.

Menemui sahabatku, Shavindh, yang kini berada di Singapura dengan selamatnya.

Saudara,

Semoga saudara dalam keadaan sihat dan berbahagia di samping keluarga yang tercinta. Dalam surat saudara, saudara berminat untuk mengetahui tentang Stesen Kereta Api Kuala Lumpur. Saya akan menceritakan beberapa maklumat yang saya peroleh tentang Stesen Kereta Api Kuala Lumpur.

Bangunan Stesen Kereta Api Tanah Melayu merupakan bangunan bersejarah di Kuala Lumpur yang masih lagi digunakan sehingga hari ini. Bangunan yang didirikan pada tahun 1910 ini mempunyai ciri-ciri seni bina Mughal yang diaplikasikan pada masa tersebut.

Stesen ini menelan belanja RM23 000 dan mula beroperasi pada 1 Ogos 1910. Stesen ini kemudiannya menjadi stesen utama apabila Stesen Residen dirobohkan. Bangunan ini turut menempatkan Hotel Stesen yang kini dikenal sebagai Hotel Stesen Warisan.

Di sebalik usianya yang telah menjangkau lebih 100 tahun, stesen ini terus dinaik taraf. Sehingga hari ini, stesen ini masih lagi beroperasi walaupun stesen utama Kuala Lumpur telah berpindah ke KL Sentral.

Sehingga hari ini, bangunan bersejarah ini masih lagi dikunjungi orang ramai dan pelancong bukan sahaja kerana fungsinya malah kerana seni binanya yang unik. Stesen ini merupakan antara lokasi bergambar yang popular di sekitar Kuala Lumpur setanding dengan lokasi-lokasi tarikan lain di sekitarnya.

Setakat ini dahulu perkongsian saya buat kali ini. Saya berharap agar saudara dapat mengenali keunikan bangunan bersejarah yang terdapat di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,  
*Rasim Rai*

→ Idea Sampangan •

- 1.
  - 2.
  - 3.
  - 4.

## Kriteria Kejayaan